

CNS4568

U GB 16-04 00173 BH824

BAH

PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA MUNGKIN DESAK PULAU BARANGAN MALAYSIA
Mahathir - ILO

MELAKA, 16 April (Bernama) -- Pemimpin kesatuan sekerja yang terbabit untuk mendesak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) menyingkirkan Malaysia daripada menganggotai pertubuhan itu mungkin akan mendesak supaya kesatuan-kesatuan sekerja di negara lain mengambil tindakan memulaukan barangan Malaysia.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, mereka mungkin mengambil berbagai-bagai tindakan, umpamanya menyuruh para pekerja di pelabuhan asing memulaukan barangan negara ini dengan tidak mahu memunggangnya.

Perdana Menteri berkata, beliau yakin tindakan tersebut akan dibuat pemimpin kesatuan sekerja berkenaan untuk merosakkan ekonomi negara kerana mereka mempunyai hubungan rapat dengan kesatuan-kesatuan sekerja di negara lain.

+Ketua daripada ILO tidak ada apa-apa tetapi mereka akan buat tindakan ini,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kilang tekstil Hualon Corporation (M) Sdn Bhd di Tangga Batu, di sini.

Katanya, beliau berpendapat penyingkiran daripada ILO tidak menjadi masalah tetapi yakin apabila disingkirkan, pemimpin kesatuan sekerja tersebut akan mendesak kesatuan sekerja mengambil tindakan lain ke atas negara ini. -- Lagi.

▼16/04/16-47MST

CNS4569

U GB 16-04 00126 BH825

BAH

Mahathir - ILO 2 Melaka

Katanya, beliau tahu siapakah pemimpin kesatuan sekerja terbabit.

Dr Mahathir berkata, para pemimpin kesatuan sekerja itu sanggup memburuk dan merosakkan ekonomi negara asalkan mereka memperolehi apa yang dikendaki iaitu menjadi pemimpin kesatuan sekerja yang besar supaya dapat mengutip wang yuran keahlian kesatuan itu dan mengugut kerajaan.

Katanya, apabila menjadi pemimpin kesatuan mereka mendapat gaji tanpa perlu bekerja.

+Ini yang mereka hendak... sementara pekerja lain bekerja, mereka sebagai pemimpin mendapat gaji tanpa membuat kerja. Boleh ke sana sini kononnya untuk mewakili pekerja ke persidangan-persidangan,+ katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau ingin mengingatkan para pekerja bahawa mereka mendapat peluang kerja di negara ini kerana usaha gigih kerajaan dan bukan pemimpin kesatuan sekerja. -- Lagi.

▼16/04/16-49MST

CNS4570

U GB 16-04 00117 BH826

BAH

Mahathir - ILO 3 (Akhir) Melaka

Apabila ditanya sama ada Malaysia boleh menjadi sebuah negara maju sebelum tahun 2020, beliau berkata, matlamat itu sememangnya boleh dicapai lebih awal jika kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 8.5 peratus sekarang berkekalan setiap tahun.

Katanya, bagaimanapun kadar pertumbuhan ekonomi akan menurun setelah ia berkembang pesat.

+Jadi kita kena mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi sekarang kerana apabila hampir sampai tahun 2020 kadar pertumbuhan ekonomi bagi negara yang telah maju akan rendah sedikit daripada negara yang membangun,+ katanya.

Katanya, pada masa itu juga akan terdapat negara-negara yang telah mencapai tahap negara maju manakala akan ada juga negara-negara yang belum mencapai tahap tersebut. -- Bernama.

▼16/04/16-51MST